



JABATAN PERANGKAAN  
M A L A Y S I A

## SEKRETARIAT DAN JAWATANKUASA KHAS DOSM MENANGANI COVID-19:

### STATISTIK & INFO-MEDIA (BDA)

BIL 52/2020

RUJUKAN: 19-20 MEI 2020



**BANCI**  
PENDUDUK & PERUMAHAN  
**MALAYSIA 2020**

DATA ANDA MASA DEPAN KITA

7 JULAI 2020



[www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my)



[www.mycensus.gov.my](http://www.mycensus.gov.my)



# RINGKASAN LIPUTAN BERITA MUTAKHIR WABAK COVID-19 DAN KESAN KEPADA EKONOMI

## 1. PENDAHULUAN

Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) telah membantu memberi ruang kepada pihak Kerajaan melaksanakan pelbagai aktiviti dan tindakan Kesihatan Awam untuk membendung penularan COVID-19. Keberhasilan usaha ini juga mempunyai kebergantungan yang tinggi terhadap kepekaan setiap lapisan masyarakat dengan membudayakan Kebiasaan Baharu dalam norma kehidupan harian termasuk bagi sambutan perayaan. Statistik kes COVID-19 dengan sejarah merentas negeri merekodkan 971 kes atau 14.1 peratus dari keseluruhan kes sehingga 17 Mei 2020 dan melibatkan 18 kluster daripada 49 kluster yang mempunyai kaitan dengan aktiviti merentas negeri.

Kementerian Kesihatan Malaysia memaklumkan pada 20 Mei 2020 **kumulatif kes sembuh bertambah kepada 5,706** atau 81.4 peratus daripada keseluruhan kes berbanding **1,189 kes yang masih aktif**. Sementara itu, terdapat **31 kes baharu** direkodkan dan menjadikan jumlah jangkitan positif meningkat kepada **7,009 kes**. Kes import meliputi 32.3 peratus daripada catatan harian manakala **penularan tempatan berjumlah 21 kes** dengan sebanyak **10 kes dikesan** melibatkan jangkitan dari **kalangan bukan warganegara Malaysia**. Kawasan Lembah Klang **mendominasi kumulatif kes positif** dengan menyumbang **sebanyak 47.9 peratus**, Zon Selatan (23.7 peratus), Wilayah Malaysia Timur (12.8 peratus), Zon Pantai Timur (8.6 peratus) dan Zon Utara (7.0 peratus). Di peringkat negeri, **pertambahan kes harian baharu** antaranya adalah menerusi catatan **di Selangor** dengan **merekodkan 15 kes** disusuli W.P Kuala Lumpur sebanyak 10 kes dan W.P Putrajaya dengan catatan dua (2) kes baharu. Selain itu, **Kedah, Kelantan dan Terengganu** masing-masing mencatatkan **satu (1) kes baharu** setelah hampir **4 minggu tidak mempunyai rekod** jangkitan harian. Sejumlah **114 kes kematian** telah dilaporkan sehingga kini dengan **tiada kematian terbaharu** seperti pada Jadual 1.

Statistik laporan pengembara (kes import) dengan jangkitan positif merekodkan sebanyak 402 kes berdasarkan cerapan data bermula 3 April hingga 20 Mei 2020. Negeri Sembilan mencatatkan angka sebanyak 148 kes, diikuti W.P Kuala Lumpur & Putrajaya dengan 121 kes sementara Selangor (53 kes) menjadikan sumbangan kepada keseluruhan kes import mencecah 80 peratus. Selain dari itu, Melaka, Johor, Sarawak dan kedah turut mempunyai catatan kes import dari pusat-pusat kuarantin yang disediakan oleh pihak kerajaan.

Jumlah jangkitan COVID-19 di peringkat global telah meningkat kepada **4,786,672 kes** dengan melibatkan **317,695 kematian**. **Amerika Syarikat (AS)** mendominasi bilangan kes positif sebanyak **1,506,732 kes** disusuli oleh Rusia dengan 290,678 kes

dan United Kingdom (247,706 kes). Secara umumnya, sebanyak 11 negara telah merekodkan kes positif melebihi 100 ribu kes. Di peringkat ASEAN, **Singapura merekodkan 28,343 kes** jangkitan mengatasi beberapa negara anggota antaranya Indonesia (18,010 kes) dan Filipina (12,718 kes). Sementara itu, **28.4 peratus** daripada keseluruhan kes kematian dunia akibat jangkitan wabak ini didominasi oleh **Amerika Syarikat** diikuti United Kingdom yang menyumbang 11.0 peratus dan Itali (10.1 peratus). Jumlah kes sembuh yang direkodkan telah melebihi 1/3 daripada jumlah kes dunia iaitu 1,776,641 kes dengan peratusan sebanyak 37.12 peratus seperti pada Jadual 2 (*kemaskini sehingga 19 Mei 2020*).

Kejutannya ekonomi global berikutan impak penularan pandemik ini sangat mempengaruhi sebahagian besar ekonomi negara di dunia. Beberapa petikan perkongsian *headlines* daripada PublicInvest Research Daily memberikan butiran pasaran buruh dan ekonomi antarabangsa seperti berikut;

**GLOBAL:** Kebimbangan ke atas penarafan menyebabkan keengganan negara memohon pelepasan hutang G20. Menurut IMF, beberapa negara termiskin di dunia enggan memohon pelepasan hutang di bawah program yang disokong oleh ekonomi G20. Ini adalah kerana bimbang tindakan tersebut boleh menurunkan penilaian kredit mereka dan akses pasaran masa hadapan. Dari 77 negara yang layak untuk pelepasan hutang tersebut, hanya 22 yang memohon setakat ini. Program ini dirangka bertujuan untuk mengurangkan kesan ekonomi semasa wabak COVID-19 di negara-negara termiskin di dunia, yang kebanyakannya mengalami kekurangan sistem kesihatan dan mempunyai tahap hutang yang tinggi. Walau bagaimanapun, syarat pelepasan hutang G20 juga membatasi jumlah hutang tanpa konsesi yang dapat ditingkatkan oleh negara-negara selama tempoh penangguhan, yang berpotensi mengekang akses ke pasaran modal. (Reuters)

**AS:** Gabenor Federal Reserve, Powell menyatakan KDNK AS berpotensi untuk menyusut lebih -30 peratus. Ekonomi AS berpotensi menyusut sehingga -30 peratus pada suku kedua 2020 tetapi dijangka AS akan dapat mengelakkan kejatuhan ekonomi yang teruk dalam jangka masa yang panjang seperti yang dialami semasa The Great Depression. Di samping itu, Federal Reserve turut menjangkakan jumlah pengangguran akan mencapai hampir 25 peratus, tetapi kedudukan AS yang dinamik dan kekuatan sistem kewangan akan membuka jalan untuk pemulihan yang ketara. Antara faktor yang berbeza kali ini dari era The Great Depression adalah Federal Reserve lebih proaktif dan kerajaan telah memperuntukkan dana sejumlah hampir AS\$3 trilion. Selain itu, krisis kali ini adalah bukan berkaitan gelembung aset atau lain-lain masalah asas, melainkan hanya pembekuan sementara ekonomi yang disebabkan oleh usaha menangani penularan wabak COVID-19. (CNBC)

**EU:** Pelonggaran Kuantitatif akan diteruskan. Presiden Bank Pusat Eropah (ECB) Christine Lagarde menyatakan bahawa ECB akan meneruskan program pembelian bon institusi walaupun langkah tersebut dipersoalkan mahkamah

tinggi Jerman. Mahkamah perlembagaan Jerman memutuskan pada bulan ini bahawa program pembelian aset 2015, yang telah membeli EUR2.7 trilion (AS\$3 trilion) hutang dan masih berterusan adalah berisiko dan mungkin tidak sah. (Bloomberg)

**EU:** Jerman menghadapi prospek ekonomi yang suram. Bundesbank memberi amaran bahawa ekonomi Jerman akan mengalami penurunan yang mendadak pada suku kedua 2020, walaupun sekatan pergerakan bagi menangani masalah COVID-19 dilonggarkan. Kebanyakan penganalisis ekonomi menjangkakan pemulihan akan mengambil masa, menunjukkan bahawa blok ekonomi berkenaan bakal mengalami kesulitan dengan impak wabak berkenaan. Walaupun langkah-langkah pelonggaran telah diperkenalkan, kehidupan sosial dan ekonomi di Jerman dilihat masih jauh dari apa yang sebelumnya dianggap normal. Pada suku pertama 2020, ekonomi Jerman menyusut sebanyak -2.2 peratus (QoQ), kejatuhan paling curam sejak 2009. Bundesbank mengunjurkan output akan "turun jauh lebih rendah" pada suku tahun berikutnya. (Reuters)

**CHINA:** Harga rumah meningkat pada bulan April 2020. Harga rumah di China meningkat pada bulan April menunjukkan bahawa pasaran harta tanah mulai pulih secara beransur-ansur ketika perniagaan dibuka kembali setelah krisis COVID-19 mereda. Dari 70 bandar, harga rumah meningkat di 50 berbanding 38 bandar pada bulan Mac yang lalu. Menurut anggaran awal, harga rumah di bandar-bandar utama meningkat 0.2 peratus. Harga rumah turun -0.3 peratus di Beijing dan kekal di Shenzhen dan Guangzhou. Sementara itu, harga meningkat 0.6 peratus di Shanghai. Harga jualan perumahan komersial yang baru dibina di 31 bandar meningkat sebanyak 0.5 peratus (MoM) dan 35 bandar di wilayah ketiga meningkat 0.6 peratus. Data menunjukkan harga rumah turun -0.2 peratus di Wuhan, pusat pandemik wabak COVID-19. (RTT)

**AS:** Pembinaan awalan perumahan merosot -30.2 peratus pada bulan April 2020 kepada 891,000 (jumlah kadar yang ditahunkan) setelah jatuh sebanyak -18.6 peratus kepada 1.28 juta pada bulan Mac 2020. Jumlah ini adalah lebih rendah berbanding kejatuhan sebanyak -23.8 peratus kepada 927,000 yang diunjurkan oleh penganalisis ekonomi. Jumlah permit bangunan juga merosot sebanyak -20.8 peratus kepada 1.07 juta setelah turun -5.7 peratus kepada 1.36 juta pada bulan lalu. Penurunan jumlah permit bangunan yang menjadi indikator permintaan perumahan masa hadapan adalah lebih rendah berbanding jangkaan kejatuhan -26.1 peratus kepada 1 juta dari 1.35 juta yang dilaporkan pada bulan sebelumnya. (RTT)

**EU:** Keyakinan ekonomi Jerman mengukuh dan tertinggi semenjak 2015. Keyakinan ekonomi Jerman mengukuh pada bulan Mei apabila negara tersebut mulai menarik balik sekatan pergerakan yang dikenakan untuk melambatkan penyebaran wabak COVID-19. Petunjuk Sentimen Ekonomi ZEW meningkat 22.8 mata kepada 51.0 pada bulan Mei 2020. Ini adalah yang paling kuat sejak April 2015 dan melebihi ramalan ekonomi 32.0. Walau bagaimanapun,

penilaian keadaan ekonomi semasa meneruskan aliran menurun. Indeks jatuh ke -93.5 dari -91.5 sebulan yang lalu. Skor yang dijangkakan ialah -88.0. Pakar pasaran kewangan menjangkakan pertumbuhan ekonomi akan meningkat semula pada suku keempat 2020. Namun, proses pemulihan akan memakan masa yang lama. (RTT)

**UK:** Tuntutan faedah pengangguran melonjak pada bulan April 2020, di awal sekatan pergerakan diperkenalkan. Jumlah warga UK yang memohon faedah pengangguran melonjak paling banyak dalam pada bulan lalu ketika sekatan pergerakan diperkenalkan. Ini mengakibatkan UK mengalami kejutan terhadap ekonomi. Tuntutan faedah pengangguran meningkat 856,500 kepada lebih daripada 2 juta pada bulan April 2020. Bilangan tuntutan meningkat kepada 5.8 peratus, tertinggi dalam lebih dari dua dekad. Angka tersebut merangkumi beberapa orang yang masih bekerja tetapi mengalami kerugian pendapatan. Penutupan ekonomi sejak 23 Mac 2020 memberi kesan yang mendalam apabila mendorong UK ke dalam kemelesetan tertinggi selama tiga abad. Walaupun pengangguran diramalkan akan meningkat, program kerajaan telah menyelamatkan sekitar 8 juta pekerjaan. (Bloomberg)

**JEPUN:** Pengeluaran industri turun seperti yang dianggarkan. Pengeluaran industri Jepun merosot pada bulan Mac seperti yang dijangkakan pada awalnya. Pengeluaran industri turun -3.7 peratus (*MoM*) yang disesuaikan mengikut musim pada bulan Mac 2020. Penghantaran turun -5.8 peratus berbanding anggaran awal, -5.0 peratus. Inventori meningkat 1.9 peratus pada bulan Mac, seperti yang dianggarkan. Nisbah inventori meningkat 8.4 peratus berbanding anggaran awal 8.5 peratus. Secara tahunan, pengeluaran industri menurun -5.2 peratus pada bulan Mac. Penggunaan kapasiti turun -3.6 peratus menyusuli penurunan -1.8 peratus pada bulan Februari. Pada asas tahunan, penggunaan kapasiti menurun -7.6 peratus pada bulan Mac (RTT)

**HK:** Kadar pengangguran HK meningkat dalam tempoh Februari hingga April 2020 kepada 5.2 peratus berbanding 4.2 peratus dalam tempoh Januari hingga Mac 2020. Kadar pengangguran terkini adalah yang tertinggi dalam satu dekad. Bilangan pengangguran meningkat kepada 202,500 dalam tempoh tiga bulan yang berakhir pada bulan April daripada 162,200 pada tempoh sebelumnya. Pada masa yang sama, pekerjaan menurun sekitar 62,600 orang kepada 3.66 juta dalam tempoh Februari hingga April. (RTT)

**INDONESIA:** Imbangan perdagangan berubah menjadi defisit. Imbangan perdagangan Indonesia berubah menjadi defisit pada bulan April 2020 berbanding lebihan yang dicatatkan pada bulan sebelumnya. Eksport turun -7.02 peratus (*YoY*) manakala Import merosot -18.58 peratus pada bulan April 2020. Pada asas perbandingan bulan-ke-bulan, eksport turun -13.33 peratus dan import menurun -6.10 peratus. Imbangan perdagangan mencatatkan defisit AS\$0.34 bilion pada bulan April berbanding lebihan AS\$0.71 bilion pada bulan Mac 2020. (RTT)

## 2. PENEMUAN UTAMA PETIKAN AKHBAR

1. **Pelancaran program biodiesel B20 di Semenanjung Malaysia** yang dirancang pada pertengahan Jun tahun depan akan dilaksanakan, walaupun pelaksanaan yang sama di Sabah dan Sarawak telah ditangguhkan kerana wabak COVID-19. Dianggarkan bahawa **penggunaan minyak sawit dapat ditingkatkan sebanyak 534,000 tan setahun** dengan pelaksanaan program ini.
2. Keuntungan bersih Leong Hup International Bhd bagi **suku pertama 2020 turun 64.03 peratus kepada RM21.79 juta**, daripada RM60.58 juta tahun lalu disebabkan oleh **pendapatan yang lebih rendah dari ternakan dan produk lain yang berkaitan dengan unggas** berikutan penularan pandemik COVID-19.
3. Peruncit Jepun, AEON Co (M) Bhd mencatatkan **keuntungan bersih RM7.47 juta bagi suku pertama 2020, susut 77.1 peratus** berbanding RM32.64 juta setahun sebelumnya, berikutan pendapatan lebih rendah.
4. **Pengimport utama India** telah mengikat **kontrak pembelian 200,000 tan minyak sawit mentah dari Malaysia** selaku pengeluar kedua terbesar dunia selepas Indonesia untuk dihantar pada Jun dan Julai 2020. Pembelian ini telah menyebabkan **kaunter perladangan di Bursa Malaysia melonjak naik**.
5. Perodua telah **kembali beroperasi** bagi jualan, perkhidmatan termasuk perkhidmatan pembaikan dan cat di seluruh negara **setelah hampir 2 bulan tidak beroperasi akibat COVID-19**.
6. FAMA menyumbangkan **lima tan metrik bekalan sayuran dan buah-buahan** kepada 10 lokasi Central Kitchen **di bawah seliaan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)** yang dapat memberi manfaat kepada 1,357 individu.
7. **Perniagaan pengurup wang menurun sehingga 90 peratus** akibat COVID-19 serta hubungkait dengan industri pelancongan di Malaysia.
8. **Malaysia Airlines Bhd menerima lonjakan permintaan untuk operasi penerbangan kargonya** sejak krisis pandemik COVID-19 melanda. **Lebih 150 penerbangan penumpang-ke-kargo (P2C) direkodkan sejak Mac lalu**, merangkumi pelbagai destinasi. Malaysia Airlines turut melakukan operasi penerbangan kargo yang ditempatkan di ruang kabin (CIC) dengan membawa pelbagai muatan, termasuk bekalan peralatan perubatan dari Melbourne, Australia.

9. **Harga minyak** meneruskan **kenaikan hari keempat berturut-turut** dengan gabungan pemulihan permintaan, pemotongan pengeluaran dan keputusan ujian vaksin COVID-19 yang positif mencerahkan tinjauan sumber tenaga itu. **Harga WTI bagi penghantaran Jun meningkat 2.8 peratus kepada AS\$32.71 satu tong** manakala **kontrak Julai menokok 1.6 peratus kepada AS\$32.17**. Brent bagi dagangan Julai meningkat 1.1 peratus kepada AS \$35.20 satu tong selepas melonjak 7.1 peratus pada Isnin.
10. Pos Malaysia menyatakan walaupun terdapat **peningkatan dalam jumlah bungkusan sepanjang PKP, perniagaan lain seperti mel, bungkusan antarabangsa, Pos Aviation, Pos Logistik dan lain-lain turut terjejas**. Pos Malaysia terus melindungi kehidupan lebih 15,000 barisan hadapan dan pekerja sokongan operasi bagi memastikan keperluan mereka diutamakan.
11. Fasa kedua pembayaran Bantuan Prihatin Nasional (BPN) dilanjutkan sehingga 22 Mei 2020 kerana terdapat beberapa masalah teknikal. **Sebanyak 7.61 juta penerima fasa kedua BPN telah menerima pembayaran berjumlah RM3.41 bilion iaitu 93 peratus peruntukan untuk fasa tersebut**. Daripada 2.3 juta penerima yang telah diluluskan permohonan dan rayuan baru, sebanyak 830,000 telah menerima pembayaran BPN bernilai RM620 juta.
12. Keuntungan bersih Bintulu Port **turun pada suku pertama kepada RM31.06 juta daripada RM39.49 juta** dalam suku yang sama pada tahun lepas. Bagaimanapun **hasil daripada aktiviti perkhidmatan pelabuhan di Pelabuhan Bintulu meningkat kepada RM142.48 juta** daripada RM140.80 juta pada suku pertama 2020 berbanding pada tempoh yang sama 2019 yang disumbangkan oleh aktiviti kemudahan sokongan asas dan perkhidmatan pelbagai.
13. Pharmaniaga Bhd, yang merupakan syarikat farmaseutikal terbesar di Malaysia **mencatatkan peningkatan keuntungan bersih 14.1 peratus untuk suku pertama 2020, kepada RM22.40 juta berbanding RM19.62 juta tahun sebelumnya**. Selain itu, pendapatan syarikat turut meningkat kepada RM819.92 juta berbanding RM786.11 juta pada tempoh yang sama tahun sebelumnya susulan peningkatan permintaan dari Indonesia.
14. Dewan Perniagaan Melayu Malaysia (DPMM) **mencadangkan dana mikro kredit perlu ditambah kepada RM1.5 bilion berbanding RM700 juta** ketika ini bagi membantu lebih ramai usahawan mikro mengurangkan impak negatif COVID-19 terhadap perniagaan. Skim mikro kredit lebih sesuai dibuat **secara dana pusingan modal kerja**.

<b>A. Bahagian Perangkaan Akaun Negara (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>The EDGE</b>	<p><b>Perodua restarts operations nationwide after MCO closure</b></p> <p>Perodua announced today the car manufacturer has resumed operations at all 182 sales, 202 service, and 68 body and paint outlets nationwide, after a two-month closure due to Malaysia's Movement Control Order (MCO) to curb the Covid-19 pandemic.</p> <p>In a statement today, Perodua said its outlets restarted operations on a staggered basis from last Tuesday and the company has been working hard to ensure all the sufficient health and safety measures are in place.</p>	<a href="https://www.theedge.com/article/perodua-restarts-operations-nationwide-after-mco-closure">https://www.theedge.com/article/perodua-restarts-operations-nationwide-after-mco-closure</a>
2.	<b>The EDGE</b>	<p><b>Retailers seek to leverage digital, online platforms to stay relevant in new normal — EY</b></p> <p>Malaysian retailers are under increasing pressure to move away from the traditional “brick and mortar” models amid the Covid-19 pandemic, according to a recent EY live survey conducted during a webinar for the retail sector.</p> <p>The majority — 70% — of the close to 100 respondents shared that they were prioritising online sales and marketplace listings to improve their topline results in the immediate term.</p> <p>The survey respondents recognise that there is a need to reinvent themselves, with digital</p>	<a href="https://www.theedge.com/article/retailers-seek-leverage-digital-online-platforms-stay-relevant-new-normal-%E2%80%94-ey">https://www.theedge.com/article/retailers-seek-leverage-digital-online-platforms-stay-relevant-new-normal-%E2%80%94-ey</a>



		strategies (55 per cent) and business restructuring (31 per cent) identified as key strategic options in the next 12 months.	
3.	<b>Sinar Harian</b>	<p><b>Pemberhentian pekerja dijangka berterusan selepas Aidilfitri</b></p> <p>Menurut laporan portal FMT, Pengarah Eksekutif MEF, Shamsuddin Bardan berkata, pada masa ini terdapat majikan yang meminjam wang atau menggunakan simpanan bagi membayar gaji pekerja.</p> <p>"Dijangka lebih 2 juta akan kehilangan pekerjaan, termasuk lepasan universiti dan 610,000 yang menganggur sebelum Mac tahun ini.</p> <p>"Situasi ini dijangka berterusan selepas sambutan Hari Raya Aidilfitri nanti," katanya.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/84260/BERITA/Nasional/Pemberhentian-pekerja-dijangka-berterusan-selepas-Aidilfitri">https://www.sinarharian.com.my/article/84260/BERITA/Nasional/Pemberhentian-pekerja-dijangka-berterusan-selepas-Aidilfitri</a>
4.	<b>Bernama</b>	<p><b>4,623 peniaga kecil, penjaja MBPP layak terima Bantuan Rakyat P. Pinang 2.0</b></p> <p>Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) telah mengenal pasti 4,623 peniaga kecil berlesen dan penjaja bertagging (tanpa lesen namun berdaftar dengan MBPP) yang layak menerima bantuan RM500 di bawah Bantuan Rakyat Pulau Pinang 2.0.</p> <p>Kesemua mereka yang merangkumi 1,950 peniaga kecil berlesen dan 2,673 penjaja bertagging telah dimaklumkan mengenai bantuan itu.</p>	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1843459">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=1843459</a>

5.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>CIMB aims to empower SMEs in sustaining businesses through series of webinars</b></p> <p>CIMB said through the Digital Retail Package, CIMB Business Current Account/i-SME customers can enjoy heavily discounted packages by Exabytes and Billplz to help them kick-start their digital transformation journey.</p> <p>Additionally, CIMB is offering a cash incentive of up to RM100 for customers who sign up for these packages, capped at the first 200 customers.</p> <p>These series of webinars are in addition to the free webinar session that was recently held in April with the bank's e-commerce solution partner, Shopmatic. Besides, webinars will be held until July and participants will be able to open their online store and start selling almost immediately.</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/cimb-aims-empower-smes-sustaining-businesses-through-series-webinars">https://www.theedgemarkets.com/article/cimb-aims-empower-smes-sustaining-businesses-through-series-webinars</a></p>
6.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Malaysia dijangka tidak alami deflasi dan stagflasi</b></p> <p>Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata sukar untuk Malaysia terjerumus ke dalam senario berkenaan kerana ekonomi Malaysia kini sedang menunjukkan pemulihan dengan keseimbangan antara asas ekonomi adalah semakin baik.</p> <p>"Deflasi atau stagflasi tidak boleh diukur dengan Indeks Harga Pengguna (IHP) yang menyusut</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/690997/malaysia-dijangka-tidak-alami-deflasi-dan-stagflasi">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/690997/malaysia-dijangka-tidak-alami-deflasi-dan-stagflasi</a></p>

		secara bulanan kerana apa yang berlaku pada April adalah lebih kepada penurunan indeks berkaitan bahan api," katanya.	
<p>Penemuan penting &amp; isu:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Ernst and Young, 70 peratus daripada 100 responden peruncit menyatakan jualan atas talian adalah menjadi keutamaan sebagai strategi jangka masa setahun bagi meningkatkan prestasi perniagaan.</li> <li>2. Persekutuan Majikan Malaysia (MEF) menjangkakan pemberhentian pekerja akan terus berlaku selepas Hari Raya Aidilfitri kerana kebanyakan majikan masih bergelut dengan kesan ekonomi akibat pandemik wabak Covid-19.</li> <li>3. CIMB Bank Bhd dan CIMB Islamic Bank Bhd akan terus membantu sektor perusahaan kecil dan sederhana (PKS), terutama perniagaan tanpa kehadiran digital bagi mengetahui bagaimana mereka dapat memanfaatkan kemampuan platform kedai dalam talian dengan rangkaian lengkap perkhidmatan pelengkap di samping platform pembayaran yang efisien untuk peniaga.</li> </ol>			
<p>Maklumbalas Bahagian:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Peruncit yang terjejas akibat PKP perlu memanfaatkan teknologi digital untuk kekal relevan dan dapat meneruskan kelangsungan perniagaan masing-masing. Perkara ini juga secara tidak langsung dapat meningkatkan prestasi edagang Negara yang mana sektor ini telah menyumbang 8.0 peratus kepada KDNK Malaysia pada tahun 2018 berbanding 7.8 peratus pada tahun sebelumnya.</li> <li>2. Peningkatan jumlah pemberhentian pekerja dan peningkatan kadar pengangguran akibat pandemik wabak COVID-19 akan memberi kesan kepada ekonomi negara terutamanya dalam komponen pampasan pekerja. Pada tahun 2018, sumbangan Pampasan Pekerja (PP) kepada KDNK Malaysia berkembang kepada 35.7 peratus (2017: 35.5%) dengan pertumbuhan 6.0 peratus.</li> <li>3. Pelbagai pihak menawarkan bantuan dan pakej tertentu kepada usahawan PKS bagi memastikan perniagaan akan terus kekal bertahan dan bahkan merangsang pertumbuhan perniagaan mereka. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan prestasi PKS dan memberi impak kepada ekonomi negara. Pada tahun 2018, sumbangan KDNK PKS kepada KDNK Malaysia meningkat kepada 38.3 peratus daripada 37.8 peratus pada tahun sebelumnya.</li> </ol>			
<b>B.</b>	<b>Bahagian Perangkaan Perkhidmatan (DOSM)</b>		
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
	<b>A. Subsektor Perdagangan Borong &amp; Runcit</b>		
1.	Malay Mail	Aidilfitri maximum price scheme from tomorrow, Kaamatan and Gawai from May 28, says minister	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/19/aidilfitri-maximum-price-scheme-from-">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/19/aidilfitri-maximum-price-scheme-from-</a>

		<p>A total of 11 types of Aidilfitri essential goods are listed under the Festive Season Maximum Price Scheme for 15 days from 20 May to 3 June 2020.</p> <p>Meanwhile, for the Kaamatan festival in Sabah, the seven-day price control exercise from 28 May to 3 June 2020 will also involve 11 types of goods, while Gawai in Sarawak will involve the control of 12 types of goods for the same period.</p>	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/19/tomorrow-kaamatan-and-gawai-from-may-2/1867720">tomorrow-kaamatan-and-gawai-from-may-2/1867720</a>
2.	<b>Malay Mail</b>	<p><b>Health D-G: Govt has developed SOP for retail industry</b></p> <p>National Security Council (NSC) has developed a retail standard operating procedure (SOP) that will act as a guide for all operators, traders and business owners in response to the many Malaysians who are preparing for Hari Raya Aidilfitri.</p> <p>The SOP will follow the current guidelines practiced and will be enforced for the duration of business operations including shopping complexes, department stores, supermarkets, boutiques or clothing stores, department stores, mini-marts and many other retail outlets.</p>	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/19/health-d-g-govt-has-developed-sop-for-retail-industry/1867682">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/19/health-d-g-govt-has-developed-sop-for-retail-industry/1867682</a>
3.	<b>Malay Mail</b>	<p><b>Despite partial shutdown, business still brisk at TTDI market</b></p> <p>Despite a partial shutdown at the Taman Tun Dr Ismail wet market beginning 19 May until 1 June</p>	<a href="https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/19/despite-partial-shutdown-business-still-brisk-at-ttdi-market/1867564">https://www.malaymail.com/news/malaysia/2020/05/19/despite-partial-shutdown-business-still-brisk-at-ttdi-market/1867564</a>

		<p>2020, business still seemed brisk, with many shoppers going about purchasing their daily essentials and preparing for the upcoming Hari Raya festivities.</p> <p>Meanwhile, about 40 lots in four rows out of around 200 premises are still cordon off after one of the traders was believed to have contracted COVID-19.</p>	
4.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>Sarawak, Sabah B20 biofuel implementation postponed, Peninsular Malaysia's date unchanged</b></p> <p>The government is keeping to its plan to roll out its B20 biodiesel programme in Peninsular Malaysia by mid-June next year, though it has postponed the implementation of the same in Sabah and Sarawak due to the COVID-19 outbreak. The B20 biofuel programme entails the use of a biofuel mixture with 20% palm oil and 80% petroleum diesel.</p> <p>Sarawak will now introduce the programme on 1 Sept 2020, while Sabah will start next year. As for Peninsular Malaysia, the roll-out date remains on 15 June next year.</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/sarawak-sabah-b20-biofuel-implementation-postponed-peninsular-malaysias-date-unchanged">https://www.theedgemarkets.com/article/sarawak-sabah-b20-biofuel-implementation-postponed-peninsular-malaysias-date-unchanged</a></p>
5.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>Lower egg, chicken demand after virus outbreak cuts Leong Hup 1Q profit by 64%</b></p> <p>Leong Hup International Bhd's net profit for the first quarter ended March 31, 2020 (1QFY20) fell 64.03% to RM21.79 million, from RM60.58 million last year, due to</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/lower-egg-chicken-demand-after-virus-outbreak-cuts-leong-hup-1q-profit-64">https://www.theedgemarkets.com/article/lower-egg-chicken-demand-after-virus-outbreak-cuts-leong-hup-1q-profit-64</a></p>

		<p>lower earnings from its livestock and other poultry-related products as a slump in demand amid the pandemic outbreak impacted profit margins.</p> <p>The poultry company said in a stock exchange filing its broiler chickens, eggs and day-old chicks or DOCs saw lower average selling prices (ASPs), which affected its businesses across the region, with lower revenue in Malaysia, Indonesia and Singapore. The group's quarterly revenue fell 4.8% to RM1.43 billion from RM1.51 billion.</p>	
6.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>MR D.I.Y buka semula semua cawangan seluruh negara</b></p> <p>Peruncit perkakas rumah, MR. D.I.Y. telah membuka semula cawangannya di seluruh negara susulan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan akan memberi diskaun selama 10 hari dari 13 hingga 24 Mei 2020 untuk lebih 30 produk harian penting.</p> <p>Antaranya ialah pelitup muka, pelindung muka, sarung tangan nitril, kit peralatan pencukur rambut boleh cas semula 3-dalam-1, kolam permainan, beg buangan, bekas makanan empat sisi kunci dan lain-lain lagi.</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/691179/mr-diy-buka-semula-semua-cawangan-seluruh-negara">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/691179/mr-diy-buka-semula-semua-cawangan-seluruh-negara</a></p>
7.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>Untung bersih suku pertama AEON jatuh 77.1 peratus</b></p> <p>Peruncit Jepun, AEON Co (M) Bhd mencatatkan keuntungan bersih RM7.47 juta bagi suku</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/691216/untung-bersih-suku-pertama-aeon-jatuh-771-">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/691216/untung-bersih-suku-pertama-aeon-jatuh-771-</a></p>

		<p>pertama 2020, susut 77.1 peratus berbanding RM32.64 juta setahun sebelumnya, berikutan pendapatan lebih rendah.</p> <p>Pendapatannya pada suku dikaji jatuh 1.3 peratus kepada RM1.19 bilion, daripada RM1.21 bilion pada suku pertama 2019, berikutan sumbangan pendapatan lebih rendah daripada perniagaan runcit dan segmen perkhidmatan pengurusan hartanah.</p>	<a href="https://peratusindustry/1867682">peratusindustry/1867682</a>
8.	<b>Berita Harian</b>	<p><b>India beli semula sawit Malaysia, saham perladangan meningkat</b></p> <p>Kaunter perladangan, diterajui oleh Rimbunan Sawit adalah antara saham paling aktif diniagakan di Bursa Malaysia berikutan laporan bahawa India kembali membeli minyak sawit Malaysia selepas dihentikan selama empat bulan akibat pertikaian diplomatik.</p>	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/690999/india-beli-semula-sawit-malaysia-saham-perladangan-meningkat">https://www.bharian.com.my/bisnes/lain-lain/2020/05/690999/india-beli-semula-sawit-malaysia-saham-perladangan-meningkat</a>
<b>B. Subsektor Pengangkutan &amp; Penyimpanan</b>			
9.	<b>Sinar Harian</b>	<p><b>Pos Malaysia elak pengurangan pekerja, gaji</b></p> <p>Pos Malaysia Bhd berusaha untuk mengelakkan pengurangan pekerja dan pemotongan gaji akibat daripada wabak COVID-19.</p> <p>Penyedia perkhidmatan penghantaran pos ini akan terus melindungi mata pencarian lebih 15,000 petugas, walaupun penghantaran surat, bungkusan</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/84247/BERITA/Nasional/Pos-Malaysia-elak-pengurangan-pekerja-gaji">https://www.sinarharian.com.my/article/84247/BERITA/Nasional/Pos-Malaysia-elak-pengurangan-pekerja-gaji</a>

		antarabangsa, Pos Penerbangan, Pos Logistik dan lain-lain turut terkena tempias daripada wabak itu.	
10.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>AirAsia offers credit account extension, unlimited flight changes until Oct 2020</b></p> <p>AirAsia guests with bookings for flights departing between 23 March and 31 July 2020 can now choose to have a credit account with a two-year validity period or unlimited flight changes for flights departing up to 31 Oct 2020.</p> <p>The validity of credit accounts previously issued for COVID-19, related flight disruptions will also be automatically extended up to two-years for future travels.</p>	<a href="https://www.theedgemarkets.com/article/airasia-offers-credit-account-extension-unlimited-flight-changes-until-oct-2020">https://www.theedgemarkets.com/article/airasia-offers-credit-account-extension-unlimited-flight-changes-until-oct-2020</a>
<b>C. Subsektor Penginapan</b>			
11.	<b>Sinar Harian</b>	<p><b>Caj kuarantin hotel dikenakan mulai 1 Jun</b></p> <p>Kerajaan akan mengenakan caj kuarantin hotel ke atas semua individu yang memasuki pintu negara bermula 1 Jun ini.</p> <p>Warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara akan dikenakan caj kuarantin hotel sebanyak 50 peratus daripada kadar penuh iaitu pada siling RM150 sehari. Bagi bukan warganegara Malaysia pemastautin tetap, mereka akan dikenakan caj hotel sepenuhnya sebanyak RM150 sehari.</p>	<a href="https://www.sinarharian.com.my/article/84374/KHAS/Koronavirus/Caj-kuarantin-hotel-dikenakan-mulai-1-Jun">https://www.sinarharian.com.my/article/84374/KHAS/Koronavirus/Caj-kuarantin-hotel-dikenakan-mulai-1-Jun</a>



<b>D. Subsektor Kewangan</b>			
12.	<b>The Sun Daily</b>	<b>Money changers facing unkind change</b>  Money changers have seen a drop of more than 90% in business since the Movement Control Order (MCO) was enforced on 18 March 2020.	<a href="https://www.thesundaily.my/local/money-changers-facing-unkind-change-AX2437417">https://www.thesundaily.my/local/money-changers-facing-unkind-change-AX2437417</a>

**Penemuan penting & isu:**

1. Terdapat 11 jenis barang keperluan harian yang termasuk dalam skim harga kawalan oleh KPDNHEP sempena sambutan Aidilfitri, Pesta Kaamatan dan Hari Gawai sepanjang 15 hari bermula 20 Mei hingga 3 Jun 2020.
2. Aktiviti jual beli barang keperluan hari raya masih dilaksanakan di pasar basah Taman Tun Dr Ismail walaupun sebahagian daripada pasar ini ditutup hingga 1 Jun 2020.
3. Rancangan untuk melancarkan program biodiesel B20 di Semenanjung Malaysia pada pertengahan Jun tahun depan akan dilaksanakan, walaupun pelaksanaan yang sama di Sabah dan Sarawak telah ditangguhkan kerana wabak COVID-19. Dianggarkan bahawa penggunaan minyak sawit dapat ditingkatkan sebanyak 534,000 tan setahun dengan adanya program ini.
4. Keuntungan bersih Leong Hup International Bhd bagi suku pertama 2020 turun 64.03 peratus kepada RM21.79 juta, daripada RM60.58 juta tahun lalu disebabkan oleh pendapatan yang lebih rendah dari ternakan dan produk lain yang berkaitan dengan unggas berikutan penularan pandemik COVID-19.
5. MR. D.I.Y. telah membuka semula cawangannya di seluruh negara susulan pelaksanaan PKPB dan mengumumkan pemberian diskaun selama 10 hari dari 13 hingga 24 Mei 2020 ini untuk lebih 30 produk harian penting.
6. Peruncit Jepun, AEON Co (M) Bhd mencatatkan keuntungan bersih RM7.47 juta bagi suku pertama 2020, susut 77.1 peratus berbanding RM32.64 juta setahun sebelumnya, berikutan pendapatan lebih rendah.
7. Pengimport utama India telah mengikat kontrak pembelian 200,000 tan minyak sawit mentah dari Malaysia selaku pengeluar kedua terbesar dunia selepas Indonesia untuk dihantar pada Jun dan Julai 2020. Pembelian ini telah menyebabkan kaunter perladangan di Bursa Malaysia melonjak naik.
8. Perodua telah kembali beroperasi bagi jualan, perkhidmatan termasuk perkhidmatan pembaikan dan cat di seluruh negara setelah hampir 2 bulan tidak beroperasi akibat COVID-19.

9. Pos Malaysia Bhd berusaha untuk mengelakkan pengurangan pekerja dan pemotongan gaji kepada 15,000 kakitangannya. Ini kerana penghantaran surat, bungkusan antarabangsa, Pos Penerbangan, Pos Logistik dan lain-lain turut terkena tempas daripada wabak COVID-19.
10. Pelanggan AirAsia dengan tempahan penerbangan antara 23 Mac dan 31 Julai 2020, boleh memilih sama ada untuk mempunyai akaun kredit dengan tempoh sah dua tahun atau perubahan penerbangan tanpa had bagi penerbangan yang berlepas sehingga 31 Oktober 2020.
11. Warganegara Malaysia yang pulang dari luar negara akan dikenakan caj kuarantin hotel sebanyak 50 peratus daripada kadar penuh iaitu RM150 sehari manakala bukan warganegara Malaysia akan dicaj dengan kadar penuh.
12. Perniagaan pengurup wang menurun sehingga 90 peratus akibat COVID-19 serta hubungkait dengan industri pelancongan di Malaysia.

**Maklumbalas Bahagian:**

1. Para peniaga perlu mematuhi SOP yang telah ditetapkan oleh kerajaan jika mahu meneruskan operasi perniagaan sepanjang tempoh PKPB. Pematuhan garis panduan ini mampu merancakkan industri Perdagangan Borong & Runcit serta dapat memudahkan pembeli memenuhi keperluan harian mereka.
2. Program biodesel B20 yang telah dirancang oleh Kerajaan yang melibatkan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak dijangka mampu meningkatkan penggunaan minyak sawit. Ini secara tidak langsung akan memberi kesan kepada subsektor Perdagangan Borong & Runcit.
3. Pembelian semula minyak sawit Malaysia oleh India membantu meningkatkan jualan minyak sawit dan secara tidak langsung akan memberi kesan kepada subsektor Perdagangan Borong & Runcit.
4. Pos dan Kurier merupakan aktiviti yang terkesan secara minima dalam suku tahun pertama 2020. Namun, wabak COVID-19 masih memberi kesan terhadap aktiviti ini terutama dalam item yang dinyatakan.
5. Pengangkutan udara merupakan aktiviti yang mengalami kejatuhan tinggi pada suku tahun pertama 2020 akibat wabak COVID-19.
6. Bahagian mengambil maklum berkaitan kadar bilik hotel yang akan memberi impak kepada hasil jualan mulai 1 Jun 2020. Kadar ini hanya melibatkan hotel yang dibuka sebagai pusat kuarantin sahaja.

**C. Bahagian Perangkaan Perdagangan Antarabangsa (DOSM)**

Bil	Akhbar	Ringkasan	Pautan
1.	<b>Berita Harian 20 Mei 2020</b>	<b>PETRONAS meterai perjanjian jual beli LNG</b>  PETRONAS, menerusi anak syarikatnya Petronas LNG Ltd (PLL) memeterai perjanjian jual beli (SPA) gas asli cecair (LNG)	<a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/690936/petronas-meterai-perjanjian-jual-beli-Ing">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/690936/petronas-meterai-perjanjian-jual-beli-Ing</a>

		<p>dengan Tiger Clean Energy Limited (TCEL).</p> <p>PLL akan membekalkan LNG ke Kemudahan Pengisian Tangki TCEL LNG ISO yang terletak di Bintulu, Sarawak.</p> <p>Penghantaran LNG ke China akan dilakukan oleh TCEL, yang kemudian akan diedarkan ke lokasi lain menggunakan tangki TCEL ISO.</p> <p>Penghantaran LNG melalui tangki ISO juga dapat bertindak sebagai penyelesaian cadangan yang tangkas untuk memenuhi permintaan berlebihan dengan kadar segera, berbanding kapal besar yang mungkin dibatasi oleh jadual penghantaran yang ketat.</p> <p>PETRONAS membuat saluran paip maya yang secara efektif membolehkan LNG menjangkau pelanggan di luar grid yang tidak disediakan secara langsung oleh sistem pengedaran gas asli di China.</p>	
2.	<b>Berita Harian 19 Mei 2020</b>	<p><b>COVID-19 lonjak permintaan kargo Malaysia Airlines</b></p> <p>Malaysia Airlines Bhd menerima lonjakan permintaan untuk operasi penerbangan kargonya sejak krisis pandemik COVID-19 melanda.</p> <p>Lebih 150 penerbangan penumpang-ke-kargo (P2C) direkodkan sejak Mac lalu, merangkumi pelbagai destinasi.</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/690733/covid-19-lonjak-permintaan-kargo-malaysia-airlines">https://www.bharian.com.my/bisnes/korporat/2020/05/690733/covid-19-lonjak-permintaan-kargo-malaysia-airlines</a></p>

		<p>Malaysia Airlines turut melakukan operasi penerbangan kargo yang ditempatkan di ruang kabin (CIC), iaitu pada 14 Mei lalu dengan membawa pelbagai muatan, termasuk bekalan peralatan perubatan dari Melbourne, Australia.</p> <p>Lonjakan perkhidmatan kargo sedikit sebanyak berfungsi sebagai penampakan kesan krisis COVID-19, sekali gus menjana keuntungan Malaysia Airlines tatkala keseluruhan industri penerbangan terjejas teruk.</p>	
3.	<b>Berita Harian 19 Mei 2020</b>	<p><b>Harga minyak dunia teruskan kenaikan</b></p> <p>Harga minyak meneruskan kenaikan hari keempat berturut-turut dengan gabungan pemulihan permintaan, pemotongan pengeluaran dan keputusan ujian vaksin COVID-19 yang positif menceraikan tinjauan sumber tenaga itu.</p> <p>Harga WTI bagi penghantaran Jun meningkat 2.8 peratus kepada AS\$32.71 satu tong manakala kontrak Julai menokok 1.6 peratus kepada AS\$32.17.</p> <p>Brent bagi dagangan Julai meningkat 1.1 peratus kepada AS \$35.20 satu tong selepas melonjak 7.1 peratus pada Isnin.</p>	<p><a href="https://www.bharian.com.my/bisnes/pasar/2020/05/690580/harga-minyak-dunia-teruskan-kenaikan">https://www.bharian.com.my/bisnes/pasar/2020/05/690580/harga-minyak-dunia-teruskan-kenaikan</a></p>

#### Penemuan penting & isu:

1. PETRONAS, menerusi anak syarikatnya Petronas LNG Ltd (PLL) memeterai perjanjian jual beli (SPA) gas asli cecair (LNG) dengan Tiger Clean Energy Limited (TCEL). Penghantaran LNG ke China akan dilakukan oleh TCEL, yang kemudian akan diedarkan ke lokasi lain menggunakan tangki TCEL ISO. PETRONAS membuat saluran paip maya yang secara efektif membolehkan LNG menjangkau pelanggan di luar grid yang tidak disediakan secara langsung oleh sistem pengedaran gas asli di China.
2. Malaysia Airlines Bhd menerima lonjakan permintaan untuk operasi penerbangan kargonya sejak krisis pandemik COVID-19 melanda. Lebih 150 penerbangan penumpang-ke-kargo (P2C) direkodkan sejak Mac lalu, merangkumi pelbagai destinasi. Malaysia Airlines turut melakukan operasi penerbangan kargo yang ditempatkan di ruang kabin (CIC) dengan membawa pelbagai muatan, termasuk bekalan peralatan perubatan dari Melbourne, Australia.
3. Harga minyak meneruskan kenaikan hari keempat berturut-turut dengan gabungan pemulihan permintaan, pemotongan pengeluaran dan keputusan ujian vaksin COVID-19 yang positif mencerahkan tinjauan sumber tenaga itu. Harga WTI bagi penghantaran Jun meningkat 2.8 peratus kepada AS\$32.71 satu tong manakala kontrak Julai menokok 1.6 peratus kepada AS\$32.17. Brent bagi dagangan Julai meningkat 1.1 peratus kepada AS \$35.20 satu tong selepas melonjak 7.1 peratus pada Isnin.

#### Maklumbalas Bahagian:

1. Nilai import **gas asli cecair** (HS 2711) pada tahun 2019 ialah RM7.0 bilion. Sumber utama import ialah dari Australia (RM3.6 bilion, 51.4%), Brunei Darussalam (RM1.6 bilion, 23.4%) dan Indonesia (RM960.3 juta, 13.8%). Pada bulan Mac 2020, import gas asli cecair meningkat RM117.8 juta atau 40.6% kepada RM407.9 juta tahun ke tahun. Manakala, nilai eksport gas asli cecair ialah RM44.3 bilion. Malaysia mengeksport gas asli cecair ke Jepun (RM16.3 bilion, 36.8%), China (RM10.4 bilion, 23.5%) dan Korea (RM7.5 bilion, 17.0%). Pada bulan Mac 2020, eksport gas asli cecair jatuh sebanyak RM602.0 juta atau 14.3% kepada RM3.6 bilion tahun ke tahun.
2. Terdapat tiga (3) **mod pengangkutan** bagi import dan eksport iaitu laut, udara dan tanah. Jumlah eksport mengikut saluran udara bagi Mac 2020 ialah RM26.7 bilion (33.3% daripada jumlah eksport). Jumlah eksport mengikut saluran udara bagi Januari sehingga Mac 2020 pula meningkat 1.5% kepada RM75.9 bilion tahun ke tahun. Manakala, jumlah import mengikut saluran udara bagi Mac 2020 ialah RM19.4 bilion (28.6% daripada jumlah import). Jumlah import mengikut saluran udara bagi Januari sehingga Mac 2020 pula meningkat 3.3% kepada RM58.7 bilion tahun ke tahun.
3. Nilai import **minyak mentah** (HS 2709) bernilai RM26.8 bilion. Antara sumber utama import ialah Arab Saudi (RM9.3 bilion, 34.8%), Emiriah Arab Bersatu (RM4.3 bilion, 15.9%) dan Venezuela (RM2.5 bilion, 9.5%). Pada bulan Mac 2020, import minyak mentah meningkat RM1.8 bilion atau 81.0%

kepada RM4.1 bilion tahun ke tahun. Manakala, nilai eksport minyak mentah pada tahun 2019 bernilai RM29.1 bilion. Tiga destinasi utama eksport Malaysia ialah Australia (RM7.2 bilion, 24.8%), India (RM6.6 bilion, 22.7%) dan Thailand (RM5.8 bilion, 20.0%). Pada bulan Mac 2020, eksport minyak mentah jatuh sebanyak RM122.1 juta atau 4.9% kepada RM2.4 bilion tahun ke tahun.

4. BPPA akan terus memantau dan mengkaji trend import dan eksport bagi produk yang berkaitan ketika penularan wabak Covid-19.

<b>D. Bahagian Perangkaan Pengeluaran Industri dan Binaan (DOSM)</b>			
<b>Bil</b>	<b>Akhbar</b>	<b>Ringkasan</b>	<b>Pautan</b>
1.	<b>The Edge Markets</b>	<p><b>Covid-19 testing puts construction players between a rock and a hard place</b></p> <p>Construction companies are eager to get back to work after seven weeks of inactivity but are uncertain as to how they will meet Putrajaya's requirement that the sector's estimated 1.3 million workers be tested for Covid-19.</p> <p>Given the current testing capacity of around 20,000 tests a day, some estimate it will take six months to a year to complete examining all the workers.</p>	<p><a href="https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-testing-puts-construction-players-between-rock-and-hard-place">https://www.theedgemarkets.com/article/covid19-testing-puts-construction-players-between-rock-and-hard-place</a></p>
2.	<b>The Sun Daily</b>	<p><b>Foreign labour crunch</b></p> <p>Economic sectors that are heavily reliant on foreign labour are feeling the crunch as the Covid-19 pandemic threatens to bring their operations to a halt.</p>	<p><a href="https://www.thesundaily.my/local/foreign-labour-crunch-1B2425684">https://www.thesundaily.my/local/foreign-labour-crunch-1B2425684</a></p>
